



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
13 NOVEMBER 2025 / 22 JAMADILAWAL 1447H

SINDIKET “PADE AJAK” “PENYELUDUPAN MIGRAN BERJAYA DITUMPASKAN

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berjaya menumpaskan satu sindiket penyeludupan migran yang dikenali sebagai “Pade Ajak” menerusi siri serbuan di beberapa lokasi sekitar Kuala Selangor pada 11 November 2025. Operasi ini merupakan hasil risikan dan maklumat awam yang diterima sebelum tindakan dijalankan. Serbuan dilaksanakan oleh sepasukan pegawai dari Bahagian Pencegahan ATIPSOM dan AMLA serta Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya.

Serbuan pertama dijalankan di sebuah premis yang dijadikan lokasi transit bagi migran sebelum diseludup keluar ke Indonesia secara haram. Premis tersebut beroperasi di sebalik sebuah kedai runcit dan kedai makan yang dilengkapi kemudahan tempat tinggal, bilik air serta dapur.

Hasil serbuan membawa kepada tangkapan sembilan warganegara Indonesia terdiri daripada tujuh lelaki dan dua wanita berusia antara 20 hingga 45 tahun, serta dua transporter lelaki masing-masing warganegara Nepal dan Indonesia yang berperanan sebagai pengangkut migran. Turut disita sebuah kenderaan jenis Toyota Innova yang digunakan bagi mengangkut migran ke lokasi seterusnya.

Serbuan kedua dijalankan di sebuah rumah teres dua tingkat berhampiran lokasi pertama. Hasil tindakan tersebut, pasukan operasi berjaya menahan enam migran warga Indonesia terdiri daripada tiga lelaki dan tiga wanita berusia antara 22 hingga 40 tahun, serta dua penjaga rumah, masing-masing seorang wanita warganegara Indonesia dan seorang lelaki warganegara Nepal.

Siasatan awal mendapati semua migran berkenaan ditempatkan sementara di premis tersebut sebelum diseludup keluar melalui laluan laut tidak sah di sekitar perairan Kuala Selangor. Kebanyakan mereka mengaku mendapatkan khidmat sindiket melalui akaun media sosial. Turut ditahan seorang lelaki warganegara Indonesia berusia 36 tahun yang disyaki bertindak sebagai dalang utama dan transporter sindiket. Sebuah kenderaan Perodua Alza turut dirampas bersama sejumlah wang tunai dipercayai hasil bayaran daripada beberapa migran untuk tujuan penyeludupan keluar.

JIM kini sedang mengesan pemilik premis warga tempatan yang dipercayai bersekongkol dengan sindiket tersebut dengan menyewakan serta membenarkan premisnya dijadikan pusat pengumpulan migran bagi keluar dan masuk secara haram. Individu berkenaan akan disiasat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 [Akta 670].

Hasil siasatan mendapati sindiket “Pade Ajak” ini aktif beroperasi sejak awal tahun 2023, iaitu lebih dua tahun, dengan rangkaian operasi melibatkan ejen di Malaysia dan dalang utama di Indonesia. Sindiket menggunakan media sosial untuk menawarkan perkhidmatan membawa masuk dan keluar migran melalui laluan tidak diwartakan, dengan bayaran antara RM1,500 hingga RM2,100 bagi setiap individu. Keuntungan keseluruhan sindiket dianggarkan mencecah RM504,000.00 hasil daripada aktiviti haram tersebut.

Operasi ini turut menggunakan pendekatan pengenalpastian mangsa pemerdagangan orang dalam kalangan golongan rentan berpandukan National Guideline on Human Trafficking Indicators (NGHTI) 2.0. JIM telah memulakan siasatan lanjut bagi meneliti kesalahaan di bawah Akta ATIPSOM 2007 (Akta 670).

Jabatan Imigresen Malaysia menegaskan komitmen tegas dan berterusan dalam membanteras segala bentuk penyeludupan migran dan pemerdagangan orang. Tindakan undang-undang tanpa kompromi akan diambil terhadap mana-mana individu, sindiket, majikan, atau pemilik premis yang menggaji, melindungi, atau bersekongkol dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), serta warga asing yang memasuki atau tinggal di negara ini tanpa kebenaran sah.

JIM menyeru orang ramai agar sentiasa berwaspada dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan jenayah penyeludupan migran dan pemerdagangan orang. Sebarang bentuk penglibatan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti sedemikian merupakan kesalahaan serius dan akan dikenakan tindakan sewajarnya.

Masyarakat turut digesa agar tidak melindungi atau membantu mana-mana pihak yang melanggar undang-undang imigresen, serta sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan. Maklumat berkaitan kegiatan haram boleh disalurkan melalui saluran rasmi aduan JIM. Jabatan kekal komited memperkukuh operasi penguatkuasaan bagi memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara.

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA**